

Kos haji dijangka meningkat

Ia berikutan langkah keselamatan lebih ketat dikuatkuasakan Arab Saudi susulan Covid-19

Oleh HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Bakal jemaah haji tahun hadapan diminta bersedia berdepan caj tambahan baharu yang akan dikenakan kerajaan Arab Saudi dengan menambah simpanan deposit dalam akaun Tabung Haji.

Ia berikutan prosedur operasi standard (SOP) dan langkah keselamatan lebih ketat dikuatkuasakan kerajaan Arab Saudi ketika ini dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri bagaimanapun berkata, kerajaan akan sentiasa mencari jalan terbaik bagi perkara tersebut.

Beliau juga memberi jaminan bahawa sebarang pengumuman berhubung kenaikan kos tersebut tidak akan dibuat secara mengejut.

“Sebaik-baiknya begitu (tambah simpanan). Tapi apa-apa keputusan



Foto: ROSLI TALIB

Zulkifli (dua dari kiri) melancarkan aplikasi THIJARI yang diadakan di Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur pada Selasa.

kita akan kemukakan secara rasmi berkenaan kenaikan kos ini. Kita akan lihat dan bincang dalam Kabinet,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-37 di Menara Tabung Haji di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Zulkifli berkata, unjuran kos tersebut dijangka dapat ditentukan selepas mengadakan kunjungan ke Arab Saudi pada bulan depan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai status perjalanan ibadat haji rakyat Malaysia musim 2021.

“Perkara ini hanya jangkaan sahaja dahulu tetapi secara tepatnya saya sendiri akan pergi ke Arab Saudi untuk bincang isu-isu yang berkaitan dengan haji bersama menteri haji dan mungkin menteri agamanya terhadap beberapa perkara untuk kita perincikan satu persatu,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, sebarang keputusan bergantung kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta situasi pandemik yang berlaku.

Pada Jun lalu, kerajaan mengumumkan penangguhan penghantaran jemaah haji tahun ini berikutan penularan wabak Covid-19 yang mengambil kira keutamaan kesan kesihatan kepada penduduk negara ini.

Pada Isnin, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dilaporkan berkata, Tabung Haji menerusi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi bagi membincangkan syarat dan kelonggaran untuk jemaah negara ini menunaikan haji pada tahun hadapan.

KOS HAJI DARI TAHUN 2013

• 2013 / 1434H

Kos sebenar - RM15,555

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM5,575

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM93 juta

• 2014 / 1435H

Kos sebenar - RM16,155

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM6,175

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM106 juta

• 2015 / 1436H

Kos sebenar - RM17,270

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM7,290

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM135 juta

• 2016 / 1437H

Kos sebenar - RM18,890

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM8,910

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM160 juta

• 2017 / 1438H

Kos sebenar - RM19,550

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM9,570

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM298 juta

• 2018 / 1439H

Kos sebenar - RM22,450

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM12,470

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM313 juta

• 2019 / 1440H

Kos sebenar - RM22,900

Bayaran haji perjemaah - RM9,980

Tanggungan subsidi TH perjemaah - RM12,920

Jumlah keseluruhan subsidi TH - RM298 juta

* Sumber: Lembaga Tabung Haji